



**PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN PAHANG**



**PELAN
ANTIRASUAH
ORGANISASI
(OACP) 2021-2026**

MEMECAH RANTAIAN RASUAH



PELAN ANTIRASUAH 2021
ORGANISASI (OACP) 2026
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG



AMANAT

YB SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PAHANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayahnya, Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 2021-2026 berjaya dibangunkan. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan pelan ini.

Pelan OACP Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 2021-2026 ini dibangunkan selaras dengan aspirasi Pelan Antirasuah Nasional (NACP) untuk mewujudkan sebuah negara bebas rasuah. Dengan kerjasama dan dorongan Institut Integriti Malaysia (IIM), Pelan ini diharapkan akan menjadi panduan kepada warga Pentadbiran SUK Pahang bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Pahang sentiasa telus dan bebas daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa melalui enam(6) strategi utama seperti berikut:-

- 1) Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Pejabat SUK Pahang**
- 2) Memperkukuhkan Integriti, Kompetensi dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Sumber Manusia**
- 3) Mempertingkatkan keberkesanan dan ketelusan dalam Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan**
- 4) Meningkatkan Perkhidmatan ke arah tadbir urus yang baik**
- 5) Memupuk tadbir urus yang strategik dalam kerajaan Negeri**
- 6) Memastikan ketelusan dalam proses pelaburan bagi meningkatkan hasil kerajaan**

Sesungguhnya, segala apa yang dirancang ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan dan usaha keras dari semua pihak. Saya menyeru agar Pelan OACP Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 2021-2026 ini dijadikan sebagai wadah rujukan dan panduan kepada semua warga kerja dalam memastikan segala apa yang telah dirancang di dalam Pelan OACP ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dan seterusnya menjadikan Pentadbiran Negeri Pahang maju bebas rasuah.

Sekian, terima kasih.



DATO' RAZIHAN BIN ADZHARUDDIN
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN
(PEMBANGUNAN)



DATO' MOHD ZAKARIA BIN IBRAHIM
TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN
(PENGURUSAN)

KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Ibarat kayu besar di tengah padang, tempat bernaung kepanasan, tempat berlindung kehujan, itulah yang dapat digambarkan kepada komitmen yang jitu dari kesemua 14 Bahagian dan Unit di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dalam menghasilkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 2021-2026.

Matlamat utama penubuhan pelan ini adalah bagi memenuhi aspirasi negara melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu mewujudkan negara bebas rasuah dan berintegriti. Dengan adanya Pelan OACP Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 2021 – 2026 ini, semua warga kerja Pejabat SUK Pahang diharapkan dapat bekerjasama dalam menentang angkara rasuah disamping mewujudkan era baru yang adil lagi saksama berdasarkan ketelusan, kebertanggungjawaban dan integriti.

Ringkasan Eksekutif

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang 2021 – 2026 merupakan naskah komprehensif yang dirangka sebagai rujukan utama dalam pengurusan Negeri Pahang dalam menangani masalah integriti, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Ianya melambangkan komitmen tertinggi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang untuk mentransformasikan pengurusan dan pentadbiran bagi mencapai aspirasi menjadi sebuah negeri maju dan bebas rasuah menjelang tahun 2025. Pelan ini telah dihasilkan secara kolektif, melibatkan semua bahagian dan unit di bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Segala input penting daripada pelan risiko Pejabat SUK Pahang, Pelan Risiko Rasuah (CRM), Laporan Ketua Audit Negara, Laporan Audit Dalam dan statistik tatatertib serta Aduan SUK Pahang telah diteliti dan diperhalusi bagi menentukan tindakan penambahbaikan yang terbaik serta keutamaan kepada mekanisme kawalan risiko di Pejabat SUK Pahang.

Bertepatan dengan visi “Pahang Maju Bebas Rasuah”, pembangunan Pelan OACP ini berlandaskan 6 bidang keutamaan yang menjadi fokus utama dalam memerangi rasuah iaitu Pentadbiran, Sumber Manusia, Kewangan dan Perolehan, Perkhidmatan dan Operasi, Tadbir Urus dan Pelaburan. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 6 strategi dan 15 Objektif strategi telah digariskan memayungi 96 inisiatif yang perlu dilaksanakan bagi mencapai matlamat pelan iaitu meningkatkan sistem penyampaian kerajaan Negeri Pahang berasaskan tadbir urus yang baik. Setiap inisiatif yang dirangka telah mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan governans dan pemerkasaan pencegahan rasuah.

Semoga dengan terangkanya pelan ini sebagai panduan, Pejabat SUK Pahang akan sentiasa telus dan bebas rasuah serta berada dalam landasan yang tepat bagi menjadikan Negeri Pahang sebuah negeri yang maju, mampan serta bebas rasuah.

Firman Allah S.W.T

Surah Al-Baqarah Ayat 168

“Wahai manusia! Makanlah makanan daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik dan janganlah kamu mengikut jejak langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh nyata bagi kamu.”

Surah Al-Baqarah Ayat 188

“Dan janganlah kamu makan harta orang lain antara kamu dengan jalan yang batil, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu memberi rasuah kepada hakim-hakim supaya kamu dapat mengambil sebahagian daripada harta orang dengan cara berbuat dosa padahal kamu mengetahui salahnya”.

Surah Al-Anfal ayat 27

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah mengkhianati Allah dan rasulNya, dan janganlah kamu mengkhianati amanah-amanah (yang diamanahkan kepada) kamu sedang kamu mengetahuinya.”

PENGENALAN

- LATAR BELAKANG PSUK PAHANG
- CARTA ORGANISASI PSUK PAHANG
- FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN
- VISI DAN MISI PSUK PAHANG
- NILAI -NILAI BERSAMA PSUK PAHANG
- DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS PAHANG

ISI KANDUNGAN

- ISU DAN CABARAN
- SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI DI PSUK PAHANG
- ANALISIS PESEKITARAN
- ANALISIS DATA
- BIDANG-BIDANG BERISIKO

ISU DAN CABARAN

2022





MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH PSUK PAHANG

- GARIS PANDUAN ASAS
MEMBINA KERANGKA
PELAN
- KERANGKA OACP PSUK
PAHANG
- PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI PSUK PAHANG
2021-2026
- ANALISIS KUADRAN PELAN
TINDAKAN
- KEUTAMAAN STRATEGI
- PELAN TINDAKAN
PELAKSANAAN

TADBIR URUS

- MEKANISME PELAKSANAAN
- MEKANISME PENILAIAN

ISI KANDUNGAN

2022



Pengenalan

PELAN ANTIRASUAH 2021
ORGANISASI (O A C P) 2026
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG


LATAR BELAKANG PSUK PAHANG

Pada asalnya, pusat pentadbiran Negeri Pahang adalah di daerah Pekan. Namun pada tahun 1891, pusat pentadbiran kerajaan Negeri Pahang telah dipindahkan dari daerah Pekan ke daerah Lipis. Walau bagaimanapun, rancangan pemindahan ini hanya bersifat sementara sahaja, kerana pada tahun 1955 pusat pentadbiran Negeri Pahang Darul Makmur telah dipindahkan ke Kuantan. Kerajaan Negeri Pahang pada mulanya mahu memilih tempat yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai pusat pentadbiran Negeri Pahang iaitu di daerah Temerloh/-Mentakab dan Kuantan. Tetapi disebabkan Temerloh/Mentakab memerlukan perbelanjaan yang besar untuk dibangunkan, maka Kuantan telah diputuskan untuk dijadikan ibu Negeri Pahang. Oleh yang demikian, pada hari Sabtu, 27 Ogos 1955, pusat pentadbiran Negeri Pahang telah dipindahkan ke Kuantan secara rasminya dengan disempurnakan oleh KDYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah Ibni Al Marhum Al Sultan Abdullah Al Mu'tasim Billah, DK., SIMP., DK., SIMP., DK(Brunei) ., DK(Johor)., DK(Perak)., SPDK(Sabah)., GCMG. Maka, pada tahun 1970, sebuah bangunan kompleks pentadbiran kerajaan negeri yang diberi nama Wisma Sri Pahang telah siap dibina dan pada tarikh 28 Februari 1970, pusat pentadbiran kerajaan Negeri Pahang telah berpindah secara rasminya ke kompleks baru tersebut dan kekal sehingga sekarang. Pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang diketuai oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri. Pelantikan YB Setiausaha Kerajaan Negeri adalah berdasarkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang. YB Setiausaha Kerajaan Pahang yang pertama ialah Dato' Setia Raja Abu Samah Bin Haji Ali. Beliau dilantik pada 1 Februari 1948 dan berkhidmat sehingga 2 Ogos 1952. Seramai 21 orang Ketua Setiausaha Kerajaan yang telah dilantik memegang jawatan tersebut dan yang terkini adalah YB Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak.



CARTA ORGANISASI

YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG



CARTA ORGANISASI



01

PEJABAT MENTERI
BESAR PAHANG

- Mengurus Hal Ehwal Pentadbiran Pejabat YAB Menteri Besar Pahang.
- Mengurus aktiviti dan program YAB Menteri Besar Pahang.

- Menyelaras pelbagai program/aktiviti/urusan yang melibatkan YB SUK.
- Menyelaras dan memantau pelaksanaan program kualiti di pentadbiran SUK dan lain-lain jabatan dan agensi di Negeri Pahang.
- Menyelaras pelaksanaan sistem pengurusan aduan di Pentadbiran SUK Pahang dan pelbagai jabatan dan agensi Negeri Pahang.

02



UNIT
KORPORAT

- Menyelaras perancangan makro, fizikal dan *spatial* Negeri Pahang.
- Merancang dan menyelaras pengagihan peruntukan projek-projek pembangunan negeri.
- Memproses dan menyelaras permohonan pelaburan dan penswastaaan di atas tanah kerajaan negeri.
- Merancang dan menyelaras pembangunan wilayah serta pembangunan sektor-sektor pertanian dan luar bandar, infrastruktur, perlombongan, pembangunan masyarakat, alam sekitar, perindustrian dan pelancongan.

- Mengurus penempatan anggota perkhidmatan dan semua urusan berkaitan sepanjang dan selepas perkhidmatan.
- Mengurus urusan prestasi, pergerakan gaji, kenaikan pangkat dan kaunseling.
- Mengurus maklumat penjawat awam di Negeri Pahang.
- Merancang keperluan sumber manusia dan melaksanakan kajian struktur perjawatan.
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan latihan dan kompetensi penjawat awam di Negeri Pahang.

04



BAHAGIAN
PENGURUSAN
SUMBER
MANUSIA

CARTA ORGANISASI



05

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

- Mengurus dan menyelenggara Hal Ehwal Pentadbiran Am Jabatan.
- Mengurus dan mengawal peruntukan tahunan Pejabat SUK.
- Mengurus perolehan sebutharga, pembelian terus dan tender.
- Mengurus, menyelenggara dan penyelarar stor.
- Mengurus permohonan, penyelenggara dan surat menyurat kenderaan.
- Menguruskan penyelenggaraan bangunan dan ruang pejabat.
- Mengurus permohonan dan pelupusan aset alih.
- Menguruskan kawalan keselamatan pejabat SUK.
- Memberi khidmat persembahan kesenian dan kebudayaan.

- Pengurusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri, Dewan Undangan Negeri (DUN), dan Jemaah Pengampunan Negeri (JPN).



07

BAHAGIAN PERUMAHAN

- Merancang, menyelarar dan melaksana dasar serta strategi perumahan dan mengesan serta menilai kemajuan dan pencapaian matlamat perumahan Negeri meliputi projek PAKR, PPRM dan PR1MA Pahang.
- Menguruskan pendaftaran terbuka bakal-bakal pembeli rumah dan pengagihan perumahan kos rendah, sederhana rendah dan PR1MA pahang.
- Menguatkuasa perjanjian sewa dan pemilihan PAKR dan PPRM.
- Mengurus permohonan tanah dan pindah hak milik.

- Menyelarar, mengesan dan mengawal perjalanan dan aktiviti-aktiviti pihak berkuasa tempatan supaya menepati dasar-dasar Kerajaan (Negeri dan Persekutuan).
- Menyelarar permohonan PBT yang memerlukan kelulusan pihak berkuasa Negeri iaitu pelantikan Yang Dipertua, Setiausaha dan Ahli Majlis, belanjawan tahunan, pemakaian undang-undang kecil, penetapan kadar dan senarai nilai dan penyata tahunan.



06

BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN



08

BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN

CARTA ORGANISASI



09

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Memberi khidmat perunding pembangunan, pelaksanaan dan penyelenggaraan sistem aplikasi dan perolehan peralatan serta perisian di jabatan-jabatan dan agensi kerajaan negeri.
- Merancang dan mengurus rangkaian komunikasi antara jabatan-jabatan dan agensi kerajaan negeri.
- Memberi khidmat sokongan, bantuan teknikal dan mengurus latihan-latihan ICT kepada kakitangan teknikal ICT di bawah pentadbiran kerajaan Negeri Pahang.
- Menetapkan tatacara dan piawaian keselamatan, pengumpulan data dan pembangunan sistem aplikasi.

- Mengurus, mengawal dan menyelaras sumber air dan mutu air di Negeri Pahang.
- Mengurus dan mengawal tadahan air secara bersepadu.
- Mengurus dan mengeluarkan lesen bagi pembekalan air mentah.
- Menguatkuasa enakmen sumber air 2007.

10



BADAN KAWAL SELIA AIR



11

UNIT AUDIT DALAM

- Mengaudit agensi-agensi di bawah pentadbiran kerajaan negeri.
- Memberi khidmat perundingan secara objektif terhadap kawalan dalaman dan tadbir urus jabatan dan agensi-agensi di bawah pentadbiran kerajaan negeri.

- Mengesan dan mengesahkan aduan serta menerima, membuat siasatan dan laporan ke atas aduan / maklumat mengenai salah laku jenayah dan pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.
- Melaksanakan program pengukuhan dan peningkatan Integriti serta Akauntabiliti di kalangan Penjawat Awam Negeri Pahang.
- Mengurus tindakan tatatertib dan pengisytiharan harta bagi pegawai perkhidmatan awam / anggota pejabat SUK Pahang.

12



UNIT INTEGRITI

CARTA ORGANISASI



13

BAHAGIAN ISTIADAT DAN PENGURUSAN MAJLIS RASMI

- Menyelaras dan mengurus perjalanan istiadat dan Majlis-majlis rasmi di Peringkat Negeri dan Persekutuan di Negeri Pahang Darul Makmur.
- Mengurus dan memberi khidmat protokol bagi Istiadat, Majlis-majlis Rasmi dan Perayaan di Peringkat Negeri dan Persekutuan.
- Menyedia dan mengedar kad-kad jemputan bagi acara-acara rasmi Peringkat Negeri dan Persekutuan.
- Urus setia kepada jawatankuasa pentadbiran bagi Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang Darul Makmur.
- Mengurus dan menyediakan surat tawaran bagi Pengurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang Darul Makmur untuk ditandatangani oleh Pendaftar Darjah atau Menteri Darjah.
- Mengurus dan menyediakan surat-surat jemputan kepada penerima- penerima Kurniaan Darjah-Darjah Kebesaran dan Pingat-Pingat Negeri Pahang Darul Makmur di Istiadat Balairung Seri, Istana Abu Bakar, Pekan.

- Merancang, mengurus dan mentadbir semua kepentingan berkaitan sukan berprestasi tinggi.
- Menyedia kemudahan sukan bagi tujuan pembangunan sukan negeri.

14



MAJLIS SUKAN PAHANG

VISI, MISI, MOTO



VISI

Peneraju transformasi perkhidmatan awam untuk kesejahteraan rakyat



MISI

Meneraju transformasi penyampaian perkhidmatan melalui tadbir urus terbaik berlandaskan modal insan berintegriti, berinovasi dan kreatif ke arah pembangunan sosioekonomi melalui perancangan dan pengurusan sumber secara holistik serta inklusif bagi memenuhi aspirasi rakyat



MOTO

Mudah, Cepat dan Telus

VISI, MISI, MOTO

S	SETIA	Setia kepada organisasi, negeri dan negara
U	UNGGUL	Unggul dalam meneraju perkhidmatan tadbir
K	KREATIF	Kreatif dan inovatif dalam meningkatkan inspirasi
P	Profesional	Profesional dalam penyampaian perkhidmatan
A	AMANAHAH	Amanah dalam melaksanakan tanggungjawab
H	HARMONI	Harmoni dalam melaksanakan tanggungjawab
A	ARIF	Arif dan kompeten dalam bidang kerja
N	NEKAD	Nekad berusaha untuk mencapai kejayaan
G	GIGIH	Gigih dalam melaksanakan tanggungjawab



2

ISU DAN CABARAN

PELAN ANTIRASUAH 2021
ORGANISASI (OACF)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG

Dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pemban-terasan rasuah telah menjadi keutamaan negara. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004, Pelan Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) 2012 dan akhir sekali Pelan Antirasuah National (NACP) 2019-2023.

EPISOD PENCEGAHAN RASUAH DI MALAYSIA

- 2004
Pelan Integriti Nasional (PIN)
- 2010
Program Transformasi Kerajaan (GTP) 1.0
- 2012
Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0
- 2019-2023
Pelan Antirasuah Nasional (NACP)



Ikrar Bebas Rasuah (IBR) 2017

Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2018-2021

Pelan Risiko Rasuah (CRM) 2019-2023

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2026

Kerajaan Negeri Pahang sentiasa komited dalam membanteras gejala rasuah. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti Pembangunan Pelan Integriti Organisasi, Ikrar Bebas Rasuah (2017), Pembangunan Pelan Risiko Rasuah (CRM) 2019-2023 dan Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2026.

ISU DAN CABARAN

Dalam usaha Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang membanteras gejala rasuah, terdapat beberapa isu utama yang dikenalpasti seperti:-

1	Salah guna kuasa, penyelewengan dan campur tangan pihak ketiga
2	Kawalan dalaman yang kurang efektif
3	Kurang tindakan pemantauan dan penguatkuasaan
4	Salah guna teknologi yang mengakibatkan kebocoran maklumat
5	Sikap dan mentaliti pegawai yang mengikut budaya kerja lama

SENARIO RASUAH DAN SALAH LAKU INTEGRITI DI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG

Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 merupakan panduan utama Pejabat SUK Pahang dalam mendukung usaha pemantapan tadbir urus, integriti dan rasuah melalui:-

STRATEGI 2:

Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

Inisiatif 2.1.5:

Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan pelan OACP dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia (IIM).

ANALISIS PERSEKITARAN

INDEKS PERSEPSI RASUAH (CPI) TRANSPARENCY INTERNATIONAL

Indeks Persepsi Rasuah (CPI) ke-23 bagi 2020 meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-57 daripada 180 negara, turun enam anak tangga berbanding tahun sebelumnya. Negara mencatatkan skor 51 daripada 100 untuk 2020 berbanding 53 pada 2019. Pada 2018, kedudukan CPI Malaysia naik 10 anak tangga pada kedudukan ke-61 dengan skor 47 daripada 100 mata.

Antara kriteria pengiraan indeks ini adalah melihat kepada persoalan berkaitan rasuah sektor awam seperti amalan rasuah, penyalahgunaan dana awam, penggunaan pejabat kerajaan untuk tujuan peribadi, amalan nepotisme dalam perkhidmatan awam, kemampuan kerajaan menguatkuasakan mekanisme integriti, kewujudan undang-undang perisytiharan kewangan, konflik kepentingan diri dan peruntukan undang-undang yang mencukupi kepada pemberi maklumat, wartawan dan penyiasat.

Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan segera, perkara ini akan mengakibatkan kesan yang amat buruk kepada perkhidmatan awam dan juga Kerajaan Malaysia.

STATISTIK ADUAN

Statistik bilangan aduan yang diterima oleh Unit Integriti sejak tahun 2017 adalah seperti berikut:-

Tahun	Bil. Aduan
2017	31
2018	28
2019	32
2020	41
2021	55

ANALISIS PERSEKITARAN

STATISTIK KES TATATERTIB

Statistik kes tatatertib yang telah selesai sejak tahun 2019 sehingga tahun 2021 adalah seperti berikut:-

Tahun	JUMLAH KES	
	KES BIASA	KES MAHKAMAH
2019	4	2
2020	4	6
2021	6	8

Pola Statistik kes tatatertib bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dalam tempoh 2019 sehingga 2021 yang merangkumi kes-kes seperti tidak hadir bertugas, dadah, memalsukan tanda tangan, mencuri wang, racun, syariah dan lain-lain lagi.

ANALISIS DATA

Pelbagai data telah diperolehi semasa bengkel analisa data yang diadakan bagi proses penilaian risiko untuk menentukan bidang utama yang menjadi tumpuan oleh Pejabat SUK Pahang dalam tempoh lima (5) tahun ke hadapan. Data-data berkenaan terbahagi kepada dua iaitu data dalaman dan juga luaran yang merangkumi Corruption Risk Management Plan (CRM), Pelan Risiko Pejabat SUK Pahang, aduan integriti, kes-kes tatatertib, laporan Unit Audit Dalam dan laporan Ketua Audit Negara.

1	PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP)	Merupakan panduan utama bagi mendapatkan gambaran pembangunan Pelan OACP SUK
2	PELAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)	Data primier bagi pembangunan Pelan OACP Pejabat SUK Pahang. Menyemak semula dan menambah baik semua data dan statistik bagi risiko rasuah yang telah dikenalpasti.
3	PELAN RISIKO SUK PAHANG	Data-data risiko yang terdapat di Pejabat SUK Pahang
4	DATA SOKONGAN	Data-data dalaman organisasi seperti aduan, kes-kes tatatertib, laporan-laporan audit dalam, laporan Ketua Audit Negara dan bengkel perancangan scenario.

ANALISIS DATA

BIDANG-BIDANG YANG BERISIKO

1	Pentadbiran	Pengurusan hal ehwal pentadbiran bagi Pejabat SUK Pahang. Merupakan asas utama dalam sektor awam kerana penyampaian perkhidmatan awam akan mencerminkan imej jabatan tersebut. Pengurusan yang lebih cekap dan efektif perlu diambil kira bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam Negeri Pahang memenuhi kehendak pelanggan.
2	Pengurusan Sumber Manusia	Menguruskan hal berkaitan penempatan anggota perkhidmatan dan semua urusan berkaitan sepanjang dan selepas perkhidmatan. Pengurusan Sumber Manusia yang cekap dan teratur akan melahirkan penjawat awam yang beretika serta mematuhi undang-undang dan peraturan.
3	Kewangan dan Perolehan	Merupakan salah satu bidang yang paling terdedah kepada rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Proses di dalam bidang ini hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan yang telah dikuatkuasakan pada masa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan dan perolehan yang telus dan berakauntabiliti amat penting bagi memastikan tiada kerugian dan ketirisan hasil berlaku.
4	Perkhidmatan dan Operasi	Merujuk kepada perkhidmatan yang disediakan oleh Pejabat SUK Pahang. Kawalan dalaman dan penguatkuasaan undang-undang perlu dipertingkatkan bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi kehendak pelanggan.
5	Tadbir Urus	Tadbir Urus boleh ditakrifkan sebagai pelaksanaan ekonomi, politik dan pentadbiran untuk mengurus hal ehwal jabatan. Ia terdiri daripada mekanisme dan proses pentadbiran jabatan mengikut undang-undang dan nilai etika yang baik. Pemegang taruh memainkan peranan yang penting dalam memastikan tadbir urus yang baik.
6	Pelaburan	Bidang pelaburan merangkumi proses merancang, menyelaras dan memantau pembangunan wilayah serta pembangunan sektor-sektor pertanian dan luar bandar, infrastruktur, perlombongan, pembangunan masyarakat, alam sekitar, perindustrian serta pelancongan di Negeri Pahang. Perancangan yang sistematik amat penting bagi memastikan ketelusan dalam proses pelaburan bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri.

3



MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH PSUK PAHANG

**PELAN ANTIRASUAH 2021
ORGANISASI (OAGAP) 2026
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS INTEGRITI, DAN ANTIRASUAH

PENGUKUHAN ASPEK GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH.

KERANGKA UTAMA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

**Garis Panduan Asas
Membina Kerangka Pelan**

Untuk memastikan pelan strategik ini berjalan lancar dan mengikut perancangan yang ditetapkan, pendekatan 5A yang menyeluruh digunakan untuk membina kerangka OACP yang mantap. Pendekatan tersebut ialah:



ISU DAN CABARAN

JANGKAAN (ANTICIPATION)

Diagnosis awal masalah, ancaman dan cabaran rasuah oleh organisasi melalui data Corruption Risk Management (CRM), Bengkel Penggubalan dan Pembangunan OACP dan analisis maklumat daripada pelbagai sumber. Langkah ini penting untuk membantu organisasi mengenal pasti langkah-langkah pembetulan yang tepat untuk mengurangkan atau mengatasi isu rasuah, governans dan integriti.

ADVOKASI (ADVOCACY)

Cadangan dasar dan peraturan untuk mengatasi risiko rasuah dalam organisasi. Pembuat keputusan hendaklah bertanggungjawab terhadap setiap syor dan seterusnya mengambil tindakan sama ada melalui pengukuhan peraturan dan sistem, struktur, tenaga kerja, belanjawan atau latihan.

PERSEPAKATAN (ALLIANCE)

Kerjasama dan koordinasi antara pihak dalaman organisasi dan luaran, termasuk mereka yang terlibat dalam pelaksanaan dasar. Ia akan membantu organisasi untuk memaksimumkan penggunaan sumber melalui perkongsian dalam bentuk tenaga kerja, belanjawan dan logistik supaya lebih berkesan.

TINDAKAN (ACTION)

Pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang, dasar dan peraturan sama ada melalui mekanisme semak dan imbang, pencegahan dan latihan. Organisasi perlu mengambil tindakan tegas dan adil pada semua peringkat untuk sebarang perlakuan yang bertentangan dengan peraturan.

AKREDITASI (ACCREDITATION)

Memfokuskan proses pemantauan dan penilaian untuk memastikan semua dasar dan peraturan telah dilaksanakan sepenuhnya oleh individu atau organisasi. Perkara ini penting untuk memperbaiki dasar dan program sedia ada.

KERANGKA OACP PEJABAT SUK PAHANG

VISI	PAHANG MAJU BEBAS RASUAH					
MISI	Memperkuhkan Kecekapan, Akauntabiliti Dan Integriti Perkhidmatan Awam Negeri Pahang					
MATLAMAT	Meningkatkan Sistem Penyampaian Kerajaan Negeri Pahang Berasaskan Tadbir Urus Yang Baik					
BIDANG KEUTAMAAN	Pentadbiran	Sumber Manusia	Kewangan dan Perolehan	Perkhidmatan dan Operasi	Tadbir Urus	Pelaburan
STRATEGI	Memperkuhkan Penyampaian Perkhidmatan Pejabat SUK Pahang	Memperkuhkan Integriti, Kompetensi Dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Sumber Manusia	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Dalam Pengurusan Kewangan dan Perolehan Kerajaan	Meningkatkan Perkhidmatan Ke Arah Tadbir Urus Baik	Memupuk Tadbir Urus Yang Strategik Dalam Kerajaan Negeri	Memastikan Ketelusan Dalam Proses Pelaburan Bagi Meningkatkan Hasil Kerajaan Negeri

PELAN OACP PEJABAT SUK PAHANG

6

STRATEGI

15

OBJEKTIF STRATEGIK

96

INISIATIF

24

(1-2 TAHUN)

JANGKA PENDEK

75

(3-5 TAHUN)

JANGKA PANJANG

MISSION

VISION

STRATEGY

CORE VALUE

ANALISIS KUADRAN PELAN TINDAKAN

KUADRAN A

Kuadran A mewakili inisiatif
BERIMPAK TINGGI,
KOMPLEKSITI RENDAH

KUADRAN B

Kuadran B mewakili inisiatif
BERIMPAK TINGGI,
KOMPLEKSITI TINGGI

KUADRAN C

Kuadran C mewakili inisiatif
BERIMPAK RENDAH,
KOMPLEKSITI RENDAH

KUADRAN D

Kuadran D mewakili inisiatif
BERIMPAK RENDAH,
KOMPLEKSITI TINGGI



KEUTAMAAN STRATEGI

PENEKANAN 46 INISIATIF

BIL	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1	Memperkemaskan prosedur kerja berkaitan kriteria pemilihan calon Penerima Anugerah Perkhidmatan	A	Strategi 1
2	Mengadakan pemantauan dan audit berkaitan pengurusan dokumen terperingkat secara berkala	A	Strategi 1
3	Memperkukuhkan pematuhan terhadap Polisi Keselamatan Siber berkaitan pengurusan dokumen secara berterusan	A	Strategi 1
4	Memperkasakan Pelan Operasi Latihan berkenaan pengurusan dokumen terperingkat	A	Strategi 1
5	Menyebarkan dan memperkasakan penguatkuasaan terhadap kerahsiaan dokumen mengikut Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 secara berterusan	A	Strategi 1
6	Memperkasakan Penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015	A	Strategi 1
7	Memperkasakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala	A	Strategi 1
8	Memperkemaskan dasar prosedur kerja dan kod etika berkaitan pengurusan kenderaan	A	Strategi 1
9	Menambahbaik penggunaan sistem aplikasi pengurusan kenderaan sedia ada	A	Strategi 1
10	Melaksanakan Naziran berkaitan pengurusan kenderaan secara berkala	A	Strategi 1

11	Menyemak semula dan menambah baik prosedur kerja, pekeliling dan peraturan yang berkuatkuasa tertakluk kepada pindaan dari masa ke semasa.	A	Strategi 1
12	Memperkemaskan prosedur kerja berkenaan pengurusan aduan dalam Myportfolio .	B	Strategi 1
13	Memperkukuhkan pemantauan melalui Jawatankuasa Pemantauan Aduan SISPAА secara berterusan	A	Strategi 1
14	Menginstitusikan sistem pengurusan aduan secara bersepadu supaya pengurusan aduan yang sedia ada diintegrasikan dengan SISPAА	B	Strategi 1
15	Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	B	Strategi 1
16	Menambahbaik prosedur bagi urusan pengambilan pegawai kontrak perkhidmatan dan sambilan	A	Strategi 2
17	Menambahbaik prosedur bagi urusan menentukan pertukaran dan penempatan kakitangan	A	Strategi 2
18	Menambahbaik prosedur bagi urusan menentukan pertukaran dan penempatan kakitangan	A	Strategi 2
19	Memperkemaskan pemantauan sistem kehadiran kakitangan	A	Strategi 2
20	Pemantapan <i>whistle blowing</i> dengan menyebarkan saluran <i>whistle blowing</i> kepada jabatan dan kakitangan	B	Strategi 2
21	Melaksanakan <i>mystery shopping</i> secara berkala	B	Strategi 2
22	Melaksanakan <i>Supervisory Enhance Skills</i> kepada penyelia secara berterusan	B	Strategi 2
23	Menyemak semula dan menyeragamkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Kewangan yang berkuatkuasa	A	Strategi 3
24	Meningkatkan kawalan dalaman dan Prosedur Operasi Standard (SOP) bahagian yang menguruskan pembayaran	B	Strategi 3
25	Membuat hebahan bagi setiap perubahan peraturan dan pekeliling kepada seluruh warga kerja secara berterusan	A	Strategi 3
26	Memperkasakan mekanisme kawalan dalaman dalam proses terimaan hasil	A	Strategi 3
27	Membuat pengauditan terimaan hasil secara berkala	B	Strategi 3
28	Melaksanakan pusingan kerja dikalangan kakitangan yang terlibat dengan proses perolehan	A	Strategi 3
29	Menyenarai hitam pembekal yang melanggar Prosedur Operasi Standard (SOP) pembekalan dan perolehan secara berterusan tertakluk kepada keadaan semasa	A	Strategi 3

30	Mewujudkan kontrak berpusat bagi perolehan berkala	B	Strategi 3
31	Menyemak semula serta menambah baik kriteria pemilihan pemohon bagi Perumahan Awam Pahang	A	Strategi 4
32	Melaksanakan taklimat kesedaran berkaitan dengan Akta SPRM 2009, Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Peraturan 4A (Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 1993) kepada Jawatankuasa secara berterusan	A	Strategi 4
33	Mewujudkan satu polisi konflik kepentingan (<i>Conflict of Interest</i>) dalam jawatankuasa	A	Strategi 4
34	Melaksanakan penilaian melalui sistem tapisan integriti kepada jawatankuasa yang dilantik	B	Strategi 4
35	Mewarkan / memaklumkan kepada pemaju supaya membangunkan Pelan Risiko Rasuah (CRA/CRM/ABMS) secara berterusan.	A	Strategi 4
36	Memperkenalkan sistem tapisan integriti kepada panel pemilih jurulatih	B	Strategi 4
37	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk pemilihan atlet dengan menubuhkan jawatankuasa khas	A	Strategi 4
38	Memperkasakan penguatkuasaan terhadap Enakmen Sumber Air 2007	A	Strategi 4
39	Memperkasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pemantauan di kawasan empangan	A	Strategi 4
40	Menyebarkan berkaitan Inisiatif-inisiatif Dasar menghadkan campur tangan pihak ketiga yang berkepentingan	B	Strategi 5
41	Menambah baik pemantauan dan pengagihan sumbangan melalui sistem <i>e-tracking</i> dari masa ke semasa	A	Strategi 5
42	Melaksanakan tapisan pemilihan projek pelaburan secara terperinci di peringkat urus setia sebelum diangkat permohonan untuk kelulusan Jawatankuasa Pra Pelaburan	B	Strategi 6
43	Melaksanakan pemantauan secara menyeluruh dari aspek fizikal, kewangan dan perundangan bagi semua projek pelaburan	B	Strategi 6
44	Memperkemaskan proses memuktamatkan perjanjian pelaburan	B	Strategi 6
45	Mewujudkan Pelan Insentif Negeri bagi pemprosesan projek permohonan pelaburan secara RFP (<i>Request for Proposal</i>)	A	Strategi 6
46	Melaksanakan tapisan integriti bagi pegawai yang ditempatkan di bahagian pelaburan secara berterusan	B	Strategi 6

PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

STRATEGI 1 : Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Pejabat SUK Pahang

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1 : Meningkatkan ketelusan dalam pemilihan calon penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pingat Darjah Kebesaran Kerajaan Negeri Pahang

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Penyalahgunaan kuasa dalam pemilihan calon penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang demi kepentingan sendiri	Memperkemas prosedur kerja berkaitan kriteria pemilihan calon Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	2 Tahun (2021-2023)
		Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2021-2026)
2	Pemalsuan pelaporan tapisan dari pihak ketiga tentang kelayakan calon penerima Pingat Darjah Kebesaran Kerajaan Negeri Pahang	Mengenaikan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2021-2026)



PELAN TINDAKAN PELAKSANAAN

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

STRATEGI 1 : Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Pejabat SUK Pahang

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 : Mengukuhkan pentadbiran dengan memfokuskan kepada pemantapan integriti warga kerja SUK

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1	Kebocoran maklumat terperinci Kerajaan Negeri (Dokumen fizikal dan Dokumen Digital)	Mengadakan pemantauan dan audit berkaitan pengurusan dokumen terperinci secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2021-2026)
		Memperkasakan mekanisme sistem pengurusan fail dan dokumen secara menyeluruh	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 Tahun (2021-2023)
		Menyebarluaskan dan memperkasakan penguatkuasaan terhadap kerahsiaan dokumen mengikut Arahan Keselamatan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 secara berterusan	Bahagian Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2021-2026)
		Memperkukuhkan pematuan terhadap Polisi Keselamatan Siber berkaitan pengurusan dokumen secara berterusan	Bahagian Teknologi Maklumat	5 Tahun (2021-2026)
		Memperkasakan Pelan Operasi Latihan berkenaan pengurusan dokumen terperinci	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	1 Tahun (2021-2022)
		Memperkasakan Penguatkuasaan terhadap Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) Pahang 2015	Unit Integriti	5 Tahun (2021-2026)
		Memperkasakan kursus kesedaran berkaitan pengukuhan integriti kepada penjawat awam secara menyeluruh dan berkala	Unit Integriti	5 Tahun (2021-2026)
		Mengenakan tindakan punitif kepada pegawai dan penyelia yang bertanggungjawab	Unit Integriti	5 Tahun (2021-2026)

BIDANG KEUTAMAAN : PENTADBIRAN

STRATEGI 1 : Memperkukuhkan Penyampaian Perkhidmatan Pejabat SUK Pahang

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3 : Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pengurusan Kenderaan Jabatan

BIL	RISIKO KELEMAHAN DAN KETIRISAN: GOVERNANS, INTEGRITI & ANTIRASUAH	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
